

**AMALAN *SOGIT* DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
DUSUN DI RANAU, SABAH: ANALISIS DARI PERSPEKTIF  
SOSIOBUDAYA DAN HUKUM ISLAM**

***Sogit Practice among Dusun Community in Ranau, Sabah: An Analysis  
from the Socio-Cultural and Islamic Perspective***

<sup>1</sup>\*SYAMSUL AZIZUL MARINSAH

<sup>2</sup>ABDUL HAIR BEDDU ASIS

<sup>3</sup>MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN

<sup>1&3</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah.

<sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Corresponding author: <sup>1\*</sup>syamsulazizul@ums.edu.my

<sup>2</sup>khairasis@ums.edu.my

<sup>3</sup>firdaushasmin@gmail.com

Dihantar: 30 September 2022, Penambahbaikan: 8 November 2022, Diterima: 6 December 2022,

Terbit: 31 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.2149>

**Abstrak** Etnik Dusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di negeri Sabah. Majoriti daripada etnik ini telah memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, kesinambungan kepercayaan tradisional (animisme) masih terus dilestari dan dipelihara dalam kehidupan sosiobudaya mereka. Kajian ini memberi fokus terhadap amalan *sogit* masyarakat Dusun di daerah Ranau, Sabah. *Sogit* secara mudahnya dapat difahami sebagai pampasan, ganti rugi adat ataupun denda adat yang dikenakan terhadap individu yang melanggar norma dan kod etika adat. Objektif utama kajian ini adalah menjelaskan amalan *sogit* dari perspektif sosiobudaya masyarakat Dusun Ranau di samping menganalisisnya dari perspektif hukum Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual, observasi dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, *sogit* dari perspektif sosiobudaya masyarakat Dusun di Ranau, Sabah berperanan sebagai kawalan sosial, indikator sosial dan medium manifestasi kepercayaan tradisional mereka. Dari perspektif Islam pula, amalan *sogit* terbahagi kepada dua iaitu terdapat amalan *sogit* yang dibenarkan (*urf sahiih*), manakala sebahagian amalan *sogit* yang lain, terdapat elemen-elemen yang bercanggah dengan syarak menyebabkan ia termasuk dalam kategori '*urf fasid*' dalam hukum Islam.

**Kata Kunci:** Sogit, Dusun, sosiobudaya, hukum Islam, Urf Fasid.

**Abstract** *The largest ethnic group in Sabah is Dusun and majority of them have embraced Islam. Nonetheless, their animistic beliefs continue to influence their socio-cultural practices until the present day. This study seeks to explicate the functions of sogit in the socio-culture of Dusun community, particularly in Ranau district. Sogit is easily interpreted as compensation, customary damages, or customary fines imposed on those who violate societal norms and ethical codes. The primary objective of this study is explaining the practice of sogit from the socio-cultural perspective of the Dusun community in Ranau while analysing it from the Islamic Jurisprudence perspective. This is a qualitative study that collected data through interviews, observations, and document examination. According to the findings of this study, sogit serves as a social control, indicator and vehicle for expressing traditional beliefs in socio-cultural contexts. From the perspective of Islam, sogit practices are divided into two categories: those that are valid (urf sahiih) and those that contain elements conflicting with Shariah and therefore fall under the category of 'urf fasid'. †*

**Keywords:** Sogit, Dusun, socio-culture, Islamic law, Urf Fasid.

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, masyarakat Kadazan Dusun adalah masyarakat asal di negeri Sabah (Minah Sintian, 2018). Sehingga hari ini, populasi masyarakat Kadazan Dusun kekal sebagai etnik bumiputera yang majoriti di negeri ini. Oleh kerana tuntutan semasa yang menyebabkan setiap kelompok masyarakat bermigrasi dari penempatan asal, maka tidak hairanlah pada hari ini, masyarakat Kadazan Dusun boleh dijumpai hampir di keseluruhan negeri Sabah. Menurut mitos dan legenda masyarakat Kadazan Dusun, etnik ini berasal daripada suatu kawasan yang dikenali sebagai *Nunuk Ragang* yang terletak di Kampung Balisok di daerah Ranau, Sabah (Low Kok On, 2003). Pelbagai deskripsi yang ada pada hari ini cuba untuk menjelaskan identiti dan asal usul etnik Kadazan Dusun, sama ada bertaraf mitos, cerita rakyat, legenda ataupun penjelasan yang lebih bersifat teoretikal. Dalam kalangan

ahli akademik, terdapat beberapa teori berhubung asal usul masyarakat Kadazan Dusun. Ivor H.N Evans (1923) misalnya, menjelaskan bahawa etnik Kadazan Dusun berasal dari ras *Mongoloid*, manakala Owen Rutter (1922), berpendapat etnik Kadazan Dusun berasal dari Tanah Besar China (Suraya Sintang, 2003). Pengkategorian ini disebabkan oleh keterikatan dengan ciri-ciri fizikal orang Kadazan Dusun dengan ras *Mongoloid* Taiwan dan masyarakat Cina. Sungguhpun begitu, dari perspektif mitos pula, nenek moyang masyarakat Kadazan Dusun dikatakan berasal daripada seorang bayi yang ditemui oleh seekor ayam hutan sewaktu sedang mengais-ngais tanah (Merlenny Deenerwan, 2014). Tuntasnya, sehingga hari ini penjelasan asal usul masyarakat Kadazan Dusun sama ada dari perspektif mitos ataupun teoretikal belum ada yang dideklarasikan menjadi fakta yang konkrit. Dalam penulisan ini, pengkaji menggunakan terma Dusun memandangkan semua responden berbangsa Dusun Muslim di daerah Ranau Sabah.

Sehubungan dengan itu, amalan popular yang sering dikaitkan dengan masyarakat Dusun ialah amalan *sogit*. Secara mudahnya, *sogit* dari sudut bahasa Dusun merujuk kepada istilah *osogit* yang bermaksud ‘sejuk’ atau ‘memberi sejuk’ (En. Marcus, temu bual, 2021; En. Dualis, temu bual, 2021; En. Manan, temubual, 2021 dan En. Annuar, temubual, 2021). Menurut istilah pula, Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) mendefinisikan *sogit* sebagai denda adat yang dikenakan ke atas individu yang melanggar adat istiadat. Hal yang sama turut diperkatakan oleh ahli sarjana. Mosli Tarsat (2007) umpamanya, mendefinisikan *sogit* sebagai denda yang akan dikenakan kepada pesalah adat. Takrif yang senada juga diberikan oleh Pg Ismail et al. (2018) iaitu denda yang dikenakan ke atas individu yang melakukan pelanggaran adat. Kedua-dua definisi sejajar dengan Syamsul Azizul et al. (2020) yang turut menjelaskan *sogit* adalah denda adat yang diamalkan di Mahkamah Anak Negeri bagi menghukum individu yang melakukan norma dan kesalahan adat yang bercanggah dengan tabu masyarakat Dusun.

Sementara itu, menurut Low Kok On (2003), denda *sogit* dilaksanakan dengan cara mengorbankan nyawa binatang ternakan yang berdarah. Menurut Mosli Tarsat (2007), dan Dayu Sansalu (2002), binatang ternakan tersebut mesti terdiri daripada binatang berkaki empat iaitu babi (bukan

Islam), kerbau, lembu dan kambing. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada *sogit* yang melibatkan kesalahan besar. Adapun bagi *sogit* untuk kesalahan kecil, ia terdiri daripada unggas seperti ayam dan itik. Menurut En. Marcus (2021), amalan pengorbanan (sembelih binatang) adalah asas bagi amalan *sogit* sama ada di peringkat kampung mahupun di Mahkamah Anak Negeri.

Sungguhpun begitu, menurut Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), *sogit* binatang ini boleh digantikan dengan benda lain yang senilai dengan harga binatang tersebut ataupun mengikut pertimbangan adat. Justeru, hal ini menunjukkan terdapat fleksibiliti dalam kaedah pembayaran *sogit*. Fleksibiliti undang-undang ini diperkenalkan untuk memudahkan masyarakat bumiputera Sabah. Fleksibiliti *sogit* sebagai denda Mahkamah Anak Negeri ini, turut memberi manfaat kepada masyarakat Dusun Islam. Informan dalam kajian ini antaranya ialah En. Marcus (2021) dan En. Annuar (2022) menjelaskan bahawa penganut Islam dalam kalangan Dusun boleh memohon menggantikan *sogit* babi kepada binatang lain misalnya kerbau, lembu atau wang ringgit di Mahkamah Anak Negeri. Ia dibolehkan bagi menghormati syariat agama Islam yang mengharamkan babi untuk penganutnya.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan berlandaskan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Para informan terdiri daripada kakitangan Pejabat Mahkamah Anak Negeri di daerah Ranau. Mereka ditemu bual secara formal, manakala set soalan temu bual direka untuk mengetahui jenis-jenis *sogit* yang diamalkan sama ada di peringkat kampung mahupun di Mahkamah Anak Negeri. Selain itu, para informan dalam kajian ini juga terdiri daripada masyarakat kampung seperti ketua-ketua kampung, ketua adat dan pengamal adat istiadat. Mereka ditemu bual secara semi formal, manakala set soalan temu bual direka untuk mengetahui jenis-jenis *sogit* yang diamalkan di peringkat kampung, kepercayaan di sebalik pengamalan *sogit* dan implikasi pengamalan *sogit* terhadap pembentukan nilai positif dalam kehidupan bermasyarakat.

Sehubungan dengan itu, pengkaji turut melakukan analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat tambahan untuk memperjelaskan lagi setiap maklumat yang diperoleh daripada para informan. Antara dokumen penting yang diteliti dalam kajian adalah Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1995). Selain itu, penelitian dokumen turut dilakukan terhadap sumber artikel yang telah diterbitkan berkaitan amalan *sogit* masyarakat Dusun secara umum.

## JENIS-JENIS *SOGIT*: SATU TINJAUAN LITERATUR

Kadar *sogit* yang dikenakan ke atas satu-satu kesalahan adalah berlainan. Ia ditentukan dengan melihat jenis adat yang dilanggar oleh individu tersebut. Menurut Mosli Tarsat (2007), semakin besar pelanggaran adat yang dilakukan, maka akan semakin tinggi juga kadar *sogit* yang dikenakan. Tambah beliau lagi, serendah-rendah *sogit* ialah seekor ayam ataupun garam (Arena Wati, 1978), manakala seberat-berat *sogit* melibatkan 20 ekor kerbau. Namun, Seksyen (9) Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1995), menghadkan bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri dengan tidak membenarkan pengenaan amaun denda yang melebihi daripada jumlah amaun yang boleh dikenakan dalam undang-undang persekutuan. Berlandaskan perkara tersebut, pengkaji telah mengenal pasti beberapa jenis amalan *sogit* yang diamalkan di Mahkamah Anak Negeri dan juga di peringkat kampung. Hal ini diperincikan seperti berikut;

### **1. *Sogit Sumbang***

Menurut Arena Wati (1978), *sogit sumbang* adalah denda adat yang dikenakan ke atas individu yang didapati telah melakukan persetujuan tanpa ikatan yang sah. Mosli (2007) menjelaskan, peruntukan *sogit* bagi kesalahan *sumbang* adalah yang paling berat di antara semua jenis *sogit* yang digazetkan. Hal ini demikian kerana pelbagai implikasi buruk akan menimpa individu dan masyarakat disebabkan perlakuan *sumbang* tersebut, sama ada dari aspek fizikal mahupun metafizik (ghaib).

Menurut kepercayaan masyarakat Dusun, antara kesan buruk metafizik (ghaib) perlakuan *sumbang* ini adalah merosakkan keseimbangan alam yang menyebabkan kepanasan (*alasu*) sehingga menimbulkan kemurkaan pada makhluk ghaib (Temu bual En. Manan, temu bual, 2021). Kemurkaan makhluk ghaib ini dapat dikenal pasti apabila berlaku secara tiba-tiba bencana gempa bumi seperti yang berlaku pada tahun 2015 di daerah Ranau (En. Marcus, temu bual, 2021). Selain daripada itu, dipercayai bencana lain turut berlaku seperti kemarau, kebakaran dan penyebaran penyakit berjangkit (En. Ruhatin, temu bual, 2021). Ekoran daripada itu, *sogit sumbang* merupakan kesalahan yang paling berat menurut masyarakat Dusun kerana menyalahi norma semua agama dan memberikan impak negatif kepada komuniti masyarakat.

Menurut Low Kok On (2003), peruntukan *sogit* yang asal bagi kesalahan *sumbang* ialah pesalah *sumbang* akan dihalau daripada kampung dengan cara menghanyutkannya ke sungai sambil tubuhnya diikat pada sebuah rakit tanpa pendayung; anak yang lahir hasil daripada perbuatan *sumbang* itu wajib dihukum bunuh; dan keturunan pesalah *sumbang* akan menanggung dosa malu yang amat besar. Walau bagaimanapun, peruntukan *sogit sumbang* pada hari ini ditentukan mengikut Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), yang memperuntukkan (Bahagian (III) Kesalahan Seksual, (No.10) (1); *Sumbang* dalam kalangan individu belum berkahwin); membayar dua ekor *sogit* kepada pihak terkilan; membayar satu ekor *sogit* sebagai *kepanasan kampung*; denda RM 1,500.00 atau penjara selama enam bulan. Mengikut kaedah tersebut, *sogit kepanasan kampung* hendaklah diserahkan kepada ketua kampung untuk disembelih, dan dagingnya hendaklah diagihkan secara sama rata kepada tiap-tiap keluarga yang tinggal dalam kampung tersebut.

## 2. *Sogit* Kemaluan

Menurut Sakaria (1991), *sogit* kemaluan bermaksud denda malu yang dikenakan kepada seseorang kerana menyebabkan individu lain berasa malu disebabkan ucapannya, tindakannya atau seumpamanya yang mendatangkan perasaan malu kepada individu tersebut. Contoh kesalahan ini adalah seperti berikut; melafazkan kata-kata makian, hinaan, cacian ataupun

ejekan terhadap seseorang sehingga menjatuhkan air mukanya di hadapan masyarakat tanpa sebab yang munasabah. Berlandaskan Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), individu yang melakukan tindakan sedemikian akan didenda satu ekor ternakan atau benda lain yang senilai dengannya mengikut adat (Bahagian (VI), Salah Tingkah Laku, (No. 35)).

### **3. *Sogit Koimanan (Sogit Perjanjian)***

Menurut Kaedah Undang-Undang Adat Mahkamah Anak Negeri (1992), dalam Bahagian (VII) (No. 53), *sogit* perjanjian merujuk kepada denda-denda yang dikenakan ke atas seseorang yang didapati tidak menunaikan janji ataupun telah melanggar suatu perjanjian yang awalnya telah dipersetujui atau disepakati secara adil. Contoh kes bagi kesalahan ini dapat dilihat dalam empat situasi yang berbeza, iaitu;

Situasi 1: Firdaus tidak mahu menunaikan janjinya kepada Ahmad. Hal ini demikian kerana Firdaus mendapati adalah lebih baik tidak menunaikan janji tersebut.

Situasi 2: Firdaus tidak mahu menunaikan janjinya kepada Ahmad kerana campur tangan orang ketiga, yang boleh dielakkan oleh Firdaus.

Situasi 3: Firdaus tidak mahu menunaikan janjinya kepada Ahmad kerana terdapat bantahan daripada ahli keluarganya yang boleh dielakkan oleh Firdaus.

Situasi 4: Firdaus tidak mahu menunaikan janjinya kepada Ahmad kerana terdapat perubahan fizikal pada material yang dijanjikan. Firdaus akan mengalami kerugian sekiranya janji itu ditunaikan.

Berlandaskan kepada empat keadaan tersebut, sekiranya dilakukan tanpa sebab yang munasabah dan tidak dipersetujui oleh pihak yang dimungkir, berdasarkan Kaedah Undang-Undang Adat Mahkamah Anak Negeri (1992), Bahagian (VII) No. (53), si pemungkir janji dihukum untuk membayar *sogit* dalam bentuk pampasan sebanyak 20 peratus daripada jumlah nilai perjanjian yang dipersetujui.

#### 4. ***Sogit Kosoguluanan (Sogit Langkah Bendul)***

*Sogit Kosoguluanan* merujuk denda yang dikenakan oleh pihak keluarga pengantin perempuan kepada keluarga pengantin lelaki sekiranya wanita yang ingin dikahwini tersebut didapati telah langkah bendul. Menurut PRPM (2021), langkah bendul bermaksud berkahwin lebih dahulu daripada adik-beradik yang lebih tua ataupun memperisterikan seseorang wanita sedangkan kakak atau abangnya belum berkahwin. Menurut Puan Satinin Mudi (2021) ketika ditemu bual, *sogit kosoguluanan* ini bertujuan untuk menjaga air muka (tidak jatuh maruah) adik-beradik yang lebih tua dan belum berkahwin. Di samping itu, ia turut menjadi denda kepada pengantin lelaki kerana melangkaui adat perkahwinan iaitu adik-beradik yang tua lebih utama untuk dikahwinkan terlebih dahulu.

Berlandaskan perkara tersebut, dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), Bahagian (IV) No. (23), individu yang didapati telah berkahwin dengan seorang wanita secara langkah bendul dianggap telah melanggar hak-hak perkahwinan mana-mana saudara kandung perempuan yang belum berkahwin. Oleh sebab itu, keluarga perempuan boleh menuntut ke atas keluarga pihak lelaki *sogit kosoguluanan* berupa satu ekor *sogit* yang diberikan kepada setiap saudara kandung perempuan yang belum berkahwin. Sekiranya dua saudara kandung yang lebih tua belum berkahwin, maka dua ekorlah yang perlu dibayar.

#### 5. ***Sogit Lapau (Sogit Berpoligami)***

Dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) pula, poligami diertikan sebagai kahwin besar. Dalam kaedah tersebut, ada menyatakan bahawa amalan poligami melanggar adat istiadat anak negeri. Oleh sebab itu, *sogit lapau* atau poligami ini juga sangat berat. Perinciannya seperti berikut;

- a. Satu (1) ekor ternakan sebagai *sogit lapau* kepada isteri pertama.
- b. Satu (1) ekor ternakan sebagai *sogit* kepada setiap anak hasil daripada perkahwinan dengan isteri pertama (tidak termasuk anak angkat). Sekiranya ada dua anak, maka dua ekor, dan begitu seterusnya.



- c. Sekiranya kesalahan poligami ini berulang, suami dikehendaki membayar *sogit lapau* kepada isteri *sogit* pertama dan anak-anak dengan dua kali ganda nilai daripada *sogit lapau* yang pertama.

## **6. Sogit Mencemarkan Sumber Air**

Masyarakat Dusun sangat sinonim dengan alam sekitar. Mereka mempercayai alam sekitar yang berada di sekeliling manusia ini mempunyai jiwa yang perlu dihormati agar keadaan alam tetap seimbang. Hal ini dapat dibuktikan dengan pelbagai jenis amalan yang menonjolkan perihal tersebut. Contohnya, amalan *papasalakai do bambarayon* yang bermaksud ‘memberi makan *bambarayon*’ agar semangat *bambarayon* sudi menjaga padi yang ditanam sehingga tiba musim menuai. Selain daripada itu, pelbagai jenis pantang-larang atau *taboo* dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau yang perlu dipatuhi tatkala memasuki kawasan hutan. Semua amalan ini menunjukkan betapa roh alam semula jadi perlu dihormati agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini oleh mereka (Abdul Hair, 2020).

Berlandaskan perkara tersebut, tindakan mencemarkan alam sekitar sangat ditegah dan dianggap tidak bersyukur dengan pengorbanan Dewi *Huminodun* yang pada suatu ketika dahulu telah menyelamatkan nyawa datuk nenek moyang masyarakat Dusun daripada musibah kemarau yang sangat teruk. Oleh sebab itu, dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) dapat dilihat peruntukan *sogit* bagi individu yang menyebabkan alam sekitar tercemar khususnya sumber air bersih. Berlandaskan Kaedah (1992) tersebut, seseorang akan didakwa apabila secara sengaja ataupun tidak sengaja telah mencampurkan, mencemarkan dan mengotorkan mana-mana mata air, sumber air, takungan air kampung, ataupun sungai, sehingga menyebabkan ia tidak sesuai lagi digunakan sebagaimana lazimnya ia digunakan. Individu, kelompok, atau organisasi yang melakukan kesalahan ini akan dikenakan *sogit* seperti berikut (Bahagian (VI) No. (40));

- a. Pihak atau individu yang bersalah akan bertanggungjawab membayar *sogit* satu ekor ternakan kepada setiap kampung yang terjejas akibat pencemaran sumber air tersebut. Sekiranya 10 kampung yang terjejas, maka 10 ekorlah yang perlu dibayar.

- b. Setiap *sogit* ternakan tersebut hendaklah diserahkan kepada ketua kampung, bagi setiap kampung yang terlibat. Haiwan itu hendaklah disembelih dan ketua kampung hendaklah mengagih-agihkan dagingnya kepada ketua keluarga yang diketahui menetap dalam kampung tersebut.

## AMALAN *SOGIT* DARI PERSPEKTIF SOSIOBUDAYA MASYARAKAT DUSUN RANAU

Secara dasarnya, sosiobudaya dapat didefinisikan sebagai tingkah laku masyarakat yang mencerminkan budaya mereka seperti gaya hidup, adat istiadat, adat resam dan sistem kepercayaan. Menurut Shamsuddin Othman et al. (2015), sosiobudaya adalah amalan yang meliputi gaya hidup sesebuah masyarakat yang terhasil daripada kepercayaan serta ‘*world view*’ masyarakat berkenaan yang dipercayai dapat memberi dampak pembangunan tingkat sosial kehidupan mereka. Berikut merupakan amalan *sogit* dari perspektif sosiobudaya masyarakat Dusun Ranau;

### 1. Amalan *Sogit* sebagai Agen Kawalan Sosial

Kawalan sosial dapat didefinisikan sebagai kaedah untuk mengawal tingkah laku, pemikiran dan penampilan seseorang sama ada secara formal (penguatkuasaan undang-undang) ataupun tidak formal (adat istiadat dan kepercayaan). Amalan *sogit* yang diamalkan oleh masyarakat Dusun dilihat menjadi suatu aset yang amat penting kerana bertindak sebagai agen kawalan sosial secara formal (Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992)) dan tidak formal (pengamalan *sogit* tradisi di peringkat kampung).

Menurut A. J. N. Richard dalam Adat Bidayuh (1964) menerangkan bahawa adat sebagai suatu *bases*, yakni asas utama yang menunjukkan cara hidup, nilai, tingkah laku, kod etika dan praktik asas sosial. Justeru, melanggar kod etika adat akan dikenakan hukuman setimpal sebagai satu cara mengawal sosial daripada melakukan pelanggaran adat secara berulang. Menurut Erik Jensen (1974), kawalan sosial adalah denda atau suatu bentuk hukuman sosial bagi mengawal tabiat sosial yang melampau. Dalam erti kata lain, undang-undang adat yang wujud dalam sesuatu

komuniti adalah bertujuan untuk mengikat setiap individu agar mematuhi etika dan undang-undang yang terakru dalam sesebuah masyarakat.

Dalam konteks *sogit* di daerah Ranau, Sabah, antara kesalahan adat yang kerap dilakukan adalah kesalahan sumbang. Berdasarkan Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992), kesalahan sumbang terbahagi kepada beberapa kategori iaitu (Bahagian III, No 8, 9,10,11);

- a. Sumbang mahram sesama ahli keluarga.
- b. Sumbang mahram di antara individu yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang tidak membenarkan kedua-duanya berkahwin.
- c. Sumbang mahram di antara individu bujang (belum nikah).
- d. Sumbang mahram di sawah atau kebun milik orang.

Berlandaskan pecahan tersebut, kesalahan sumbang yang sering dilaporkan berlaku adalah (c) iaitu kes sumbang di antara individu bujang yang belum berkahwin (En. Ruhatin, temu bual, 2021). Persetubuhan sebelum berkahwin adalah suatu kesalahan yang amat berat malah boleh mengancam keharmonian hidup bersosial dalam sesebuah kampung. Sekiranya pasangan sumbang ini berasal daripada dua buah kampung yang berbeza, maka rasa malu itu akan terpalit kepada dua buah kampung tersebut. Pada masa yang sama, masyarakat Dusun di Ranau juga amat mementingkan penjagaan maruah keluarga. Hal ini ditonjolkan umpamanya apabila seseorang perempuan daripada sesebuah keluarga didapati pernah melakukan sumbang mahram, maka sesiapa sahaja lelaki yang ingin menikahnya tidak wajib untuk mengeluarkan sebarang bentuk hantaran untuk meraikan perempuan tersebut (En. Siansim, temu bual, 2021). Ia merupakan suatu kerugian dan kemaluan yang terpaksa ditanggung oleh perempuan. Oleh sebab itu, *sogit* bagi kesalahan sumbang adalah sangat tinggi dan berkesan untuk menjadi agen kawalan sosial bagi mengekang perlakuan sumbang dalam masyarakat. Hal ini ditegaskan oleh informan seperti berikut;

“*Sogit* perkahwinan kebiasaannya akan dikenakan kepada seseorang pelaku mengikut kesalahan adat yang dilakukan. Pada pengamatan saya, sejak daripada tahun 90-an sehingga hari ini sekurang-kurangnya hanya dua kes sahaja yang berlaku dalam kampung ini yang melibatkan *sogit* perkahwinan, iaitu *sogit sumbang* dan juga

perkahwinan di antara anggota keluarga yang terdekat. *Sogit sumbang* yang pernah berlaku di kampung ini berkaitan dengan seorang perempuan yang telah didapati mengandung sebelum berkahwin. Kesalahan semacam ini dianggap sangat berat dan mendatangkan sial kepada orang kampung. Oleh itu, *sogit* kepanasan kampung perlu dijalankan dengan mengorbankan seekor babi ataupun kerbau.” (Puan Jakina, temu bual, 2020)

Ringkasnya, *sogit* yang masih diamalkan kini sama ada secara formal mahupun tradisi dalam kalangan masyarakat Dusun di Ranau, Sabah bertindak sebagai agen kawalan sosial yang efektif dan mampu menangani masalah-masalah yang wujud dalam komuniti masyarakat agar terus hidup dalam keadaan harmoni.

## 2. Amalan *Sogit* sebagai Indikator Sosial

Indikator sosial dapat didefinisikan sebagai petunjuk taraf hidup seseorang (Andjar, 2020). Perbincangan berkaitan indikator sosial sangat luas mencakupi bidang sosial, politik dan ekonomi. Bertitik tolak daripada ini, indikator sosial yang dirujuk dalam konteks kajian ini adalah berkenaan peranan harta dalam menunjukkan taraf sosial seseorang dalam kalangan masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam amalan *sogit*, iaitu terdapat perbezaan yang ketara dalam pelaksanaan *sogit* di antara masyarakat Dusun yang berharta (berkemampuan) dengan masyarakat Dusun yang kurang berharta (kurang berkemampuan). Misalnya, dalam penjelasan Puan Jakina (2020) ketika ditemu bual;

“*Sogit* seekor babi ataupun kerbau semasa menghadapi kematian, sudah tidak lagi diamalkan di kampung ini, rentetan terdapat kekangan yang dihadapi oleh masyarakat dalam kampung ini. Dahulu boleh dikatakan sebuah rumah pasti ada memelihara seekor babi ataupun kerbau, namun keadaan sudah berbeza pemilikan babi atau kerbau hanya kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Justeru itu, *sogit* babi atau kerbau semasa menghadapi kematian tidak lagi menjadi suatu kewajipan, tetapi dijalankan mengikut taraf kemampuan keluarga si mati sahaja. Paling tidak korbankan seekor ayam sudah cukup dan memadai, tetapi ianya tidak dianggap sebagai *sogit* lagi, semata-mata/sekadar untuk menjamu tetamu yang hadir.”

Berlandaskan daripada kenyataan tersebut, jelas terpapar bentuk pelaksanaan *sogit* di antara keluarga yang berkemampuan dengan keluarga yang kurang berkemampuan. Hal ini menunjukkan bahawa, dengan melihat kaedah *sogit* tersebut dipersembahkan, secara tidak langsung, ia telah menunjukkan kedudukan taraf sosial keluarga tersebut. Segala amalan yang melibatkan denda *sogit*, ia telah ditetapkan dalam enakmen yang sedia ada. Sebagai contoh, apabila berlaku kematian, *sogit* yang ditetapkan secara adat adalah menyembelih seekor kerbau atau babi. Namun, sekiranya keluarga si mati tidak berkemampuan untuk menyediakan *sogit* tersebut, dibolehkan tukar ganti dengan haiwan lain yang lebih murah, seperti beberapa ekor ayam atau itik. Namun begitu, ia tidak lagi dikira sebagai *sogit* si mati tetapi hanya sebagai jamuan kepada tetamu yang hadir. Justeru, berlandaskan kenyataan tersebut, ia menunjukkan bahawa individu yang lebih berkemampuan akan dapat melaksanakan amalan *sogit* dengan lebih baik dan lebih sempurna mengikut adat. Sebaliknya, individu yang kurang berkemampuan tidak dapat melaksanakan *sogit* secara sempurna tetapi hanya sebagai simbolik sahaja. Oleh sebab itulah, sebenarnya pelaksanaan *sogit* ini dapat menjadi satu indikator sosial iaitu petunjuk taraf sosial seseorang dalam kalangan masyarakat.

### **3. Amalan *Sogit* sebagai Suatu Manifestasi Kepercayaan**

Bahagian ini membincangkan bagaimana amalan *sogit* dikaitkan sebagai satu manifestasi kepercayaan masyarakat Dusun. Pada penelitian pengkaji, bentuk manifestasi kepercayaan ini dapat dilihat menerusi ritual-ritual *sogit* yang dilaksanakan untuk mendamaikan atau memenuhi kehendak makhluk halus/ghaib. Menurut Encik Manan (2020), amalan *sogit* ini berasal usul daripada seorang dewi perempuan iaitu roh *Huminodun*. Menurut beliau, setiap malam roh *Huminodun* akan turun ke langit bumi untuk memilih seorang wanita pilihan yang akan dilantik menjadi *bobolian*, sebagai wakil para dewa untuk menyebarkan ilmu kebaikan, mengajarkan adat istiadat dan *sogit* kepada masyarakat Dusun.

Berlandaskan perkara tersebut, menurut kepercayaan masyarakat Dusun setiap perlakuan yang bertentangan dengan adat istiadat yang telah diajarkan oleh roh *Huminodun* akan menyebabkan keadaan alam yang aman

tenteram bertukar menjadi panas atau *alasu*. *Alasu* hanya dapat disejukkan atau didamaikan melalui *penyogitan* sahaja. Seperti yang dijelaskan oleh Encik Satinin (2020) ketika ditemu bual;

“Pada 5 Jun 2015 yang lalu di Bundu Tuhan Ranau ada mengadakan satu upacara *monogit* kepada semangat/makhluk halus sekeliling sebagai tanda permohonan maaf di atas perlakuan kurang baik yang dilakukan oleh sekelompok individu di puncak gunung. Upacara ini dilakukan kerana berlaku gempa bumi di daerah Ranau sejurus selepas perlakuan kurang sopan itu, pada pemikiran masyarakat Dusun khususnya di Bundu Tuhan menganggap bahawa itu adalah tindak balas daripada semangat/makhluk halus di kawasan tersebut yang sudah tersinggung. Relevannya upacara ini mengikut adat, sebagai jalan perdamaian di antara manusia dan makhluk halus untuk menolak bala daripada melanda umat manusia.”

Satinin (2020) kemudian menjelaskan bagaimana sesebuah upacara *monogit* dijalankan;

“Memandangkan di Kampung Mesilou sudah tidak ada *bobolian* maka ketua kampunglah yang akan menjadi ketua adat merangkap ketua upacara. Seekor sapi yang sehat akan *disogit*kan jika bencana itu berskala besar, walau bagaimanapun ritual ini tidak lagi melibatkan pembacaan mantera khusus oleh *bobolian*, tetapi ketua kampung akan bercakap-cakap seolah-olah sedang berkomunikasi dengan makhluk halus, contohnya ‘*kada podo kotogod*, yang bermaksud ‘janganlah kau marah sama kami.’”

Berlandaskan penjelasan tersebut, dapat dilihat bahawa setiap pelanggaran adat bukan sahaja memberi dampak kepada manusia, malah turut mendatangkan kesan kepada kehidupan makhluk ghaib. Oleh sebab itu, secara tersirat, *sogit* ini bukan sahaja untuk membayar ganti rugi kepada individu yang terkilan, tetapi turut berfungsi sebagai pendamai makhluk ghaib yang terkesan secara ghaib akibat pelanggaran adat tersebut. Namun begitu, pada masa yang sama, pengkaji tidak menafikan bahawa terdapat juga dalam kalangan masyarakat Dusun yang tidak lagi mempercayai manifestasi kepercayaan seumpama itu, terutamanya mereka yang telah memeluk agama Islam. Ia dijelaskan oleh Pn. Jakina (2020);

“Tradisi *sogit* berubah semenjak paderi Kristian datang ke kawasan kampung ini kemudian menasihati penduduk kampung untuk meninggalkan amalan *sogit* yang bertentangan dengan agama Kristian seperti memakan babi, begitu juga dengan pendakwah Islam turut sama menasihati agar tidak melakukan perkara tersebut. Di kawasan kampung ini, setiap upacara dilakukan dengan mengikut agama masing-masing dan diketuai oleh ketua agama masing-masing. Justeru itu, ia terbahagi kepada tiga upacara masyarakat Kadazan Dusun beragama Islam (babi ditukarkan kepada kerbau dan ayam serta diketuai oleh seorang imam), Kristian (babi ditukarkan kepada kerbau, kambing atau ayam serta diketuai oleh seorang paderi) dan akhir sekali pagan (mengamalkan *sogit* mengikut adat serta diketuai oleh seorang ketua adat atau *bobolian*”.

Jakina (2020) menjelaskan lagi;

“Jika berlaku sebarang bencana pula, seperti COVID-19 yang sedang melanda kita, sebenarnya kami masyarakat Kadazan Dusun ada menjalankan upacara *monogit* untuk meminta perlindungan daripada Tuhan. Tetapi *monogit* itu mengikut kepercayaan agama kami berpandukan doa-doa yang diajarkan oleh paderi.”

Berlandaskan penjelasan tersebut, pengkaji berpandangan bahawa manifestasi kepercayaan dalam sesebuah amalan *sogit* pada hari ini dipengaruhi oleh agama yang dianuti. Sekiranya ritual *sogit* yang dilakukan oleh orang Islam, maka ritual tersebut dipengaruhi oleh elemen agama Islam. Begitu juga sebaliknya. Misalnya, dalam penjelasan Encik Ruhatin (2021), dalam penyembelihan *sogit tanah* atau *sogit kepanasan tanah*. Penyembelih terdiri daripada orang Islam, dilakukan di kawasan surau, membaca *bismillah* dan menghadap ke arah kiblat. Dalam konteks ini, manifestasi kepercayaan dalam ritual *sogit* telah berubah ke arah yang lebih Islamik.

Rentetan daripada keadaan tersebut, manifestasi kepercayaan dalam amalan *sogit* sebenarnya telah mengalami perubahan mengikut acuan agama yang dianuti. Kesimpulannya, kedinamikan budaya dan kepelbagaian agama dapat mempengaruhi *world view*, sekali gus mendorong perubahan terhadap manifestasi kepercayaan dalam sesebuah ritual *sogit*.

## AMALAN *SOGIT* MASYARAKAT DUSUN RANAU MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Berdasarkan penelitian pengkaji, amalan *sogit* yang diamalkan oleh masyarakat Dusun di Ranau, Sabah terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama, amalan *sogit* yang dibenarkan untuk diamalkan kerana tidak bercanggah dengan syarak. Bahagian kedua, amalan *sogit* yang tidak dibenarkan untuk diamalkan kerana mengandungi elemen-elemen yang bercanggah dengan syarak. Bahagian ketiga pula, yang memerlukan kepada perincian kerana mempunyai perspektif dan implikasi yang berbeza. Hal ini dijelaskan seperti berikut;

### 1. **Sogit yang Dibenarkan**

#### a. ***Sogit Kemaluan, Sogit Perjanjian dan Sogit Mencemarkan Air***

Dalam hal ini, pengkaji mendapati ketiga-tiga jenis *sogit* ini merupakan undang-undang adat yang diwujudkan oleh komuniti Dusun sebagai satu bentuk kawalan sosial yang mampu menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Ia merupakan *local wisdom* masyarakat Dusun Ranau dalam memelihara ikatan silaturahim antara satu sama lain khususnya dalam berinteraksi dalam masyarakat. Oleh itu, undang-undang ini walaupun tidak wujud dalam syariat Islam, tetapi menunjukkan kearifan tempatan masyarakat Dusun yang menepati kehendak syarak. Ia berdasarkan *kaedah fiqhiyyah* (al-Nadwi, 1999: 410);

Terjemahan: “Tindakan pemimpin terhadap rakyatnya harus dikaitkan dengan kemaslahatan”.

Kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu keputusan yang dilakukan oleh pemimpin hendaklah berorientasikan kemaslahatan dan kebaikan kepada rakyat. Hal yang sama berlaku dalam undang-undang adat masyarakat Dusun yang termaktub dalam Kaedah Undang-Undang Anak Negeri (1992). Walaupun tiada nas yang menyuruh atau melarangnya, tetapi ia berkait rapat dengan tindakan dan kebijaksanaan pemimpin (orang tua-tua Dusun) dalam mengurus sesuatu undang-undang adat dalam komuniti masyarakat.



Oleh sebab itu, para sarjana hukum Islam menjelaskan bahawa sebarang perbuatan yang dijalankan oleh seorang pemimpin akan terbatal jika tidak memberi manfaat (Al-Zarqa, 1989: 309). Perkara yang termasuk dalam *masalahah* dan kebajikan rakyat, antaranya jaminan keselamatan, keperluan hidup, akhlak dan peradaban, keadilan dan sebagainya (Shukeri, 2009: 6). Dalam konteks *sogit* kemaluan, kemaslahatan yang ingin dijaga adalah maruah seseorang individu sebagaimana sejajar dengan larangan mencemuh, merendahkan, mengaibkan, mengejek dalam Surah al-Hujurat ayat 11. Bagi *sogit* perjanjian pula, ia dikenakan ke atas si pelaku untuk mendidik komuniti masyarakat Dusun sentiasa menepati janji sebagaimana yang wujud dalam al-Quran dan al-Sunah. Di samping itu, *sogit* mencemarkan air pula termasuk dalam konteks *Fiqh al-Biah*, iaitu prinsip manusia dalam berinteraksi dengan alam sekitar (Zahari Mahad Musa, 2010).

Berasaskan kepada *masalahah* ini, pengkaji berpendapat undang-undang adat yang berkaitan *sogit* di Sabah merupakan elemen *local wisdom* undang-undang adat yang diamalkan oleh masyarakat Dusun dan tidak bertentangan dengan syarak, malah ia merupakan satu tindakan yang sejajar dengan prinsip hukum Islam. Hal ini demikian kerana hukuman denda *sogit* tersebut mampu memberi pelajaran dan peringatan kepada individu yang telah melakukan kesalahan tersebut agar tidak mengulangnya pada masa akan datang. Pada masa yang sama, hukuman tersebut dapat menjadi pedoman kepada masyarakat setempat agar tidak melakukan kesalahan yang sama berulang. Selain itu, denda *sogit* tersebut secara tersirat mampu menjadi pemangkin dalam memupuk masyarakat yang bersopan santun, berakhlak tinggi dan saling menghormati antara satu sama lain.

## 2. ***Sogit* yang Dilarang**

### a. ***Sogit* Kepanasan Kampung**

Bagi *sogit* kepanasan kampung, pengkaji berpendapat bahawa amalan ini adalah haram untuk diamalkan di sisi syarak. Hal ini sejajar dengan pendapat sarjana Pg Ismail Pg Musa (2018) yang mengatakan bahawa amalan *sogit* ini bersangkut paut dengan elemen spiritual dan ritual animisme yang boleh

menjejaskan akidah seorang Muslim. Dalam *sogit* kepanasan kampung, pengkaji berpendapat dua sebab utama ia bercanggah dengan syarak. Pertama, terdapat unsur-unsur tradisi pra-Islam yang mengaitkan kehidupan masyarakat Dusun dengan kuasa-kuasa *supernatural* masih diamalkan untuk terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diingini seperti sakit, malapetaka, bencana dan sebagainya. Kepercayaan kepada roh atau makhluk *supernatural* mampu memberi manfaat dan juga mudarat merupakan saki-baki kepercayaan animisme (Ridwan Hasan, 2012). Hakikatnya, tidak ada makhluk lain di muka bumi ini mampu memberi kesejahteraan ataupun mudarat tanpa izin Allah SWT. Kepercayaan bahawa sesuatu roh atau makhluk *supernatural* mampu memberi manfaat atau mudarat kepada manusia juga adalah bercanggah dengan konsep *Tauhid Uluhiyah* dan *Tauhid Rububiyah* (Ismail Omar, 2006). Menurut konsep *Tauhid Uluhiyah*, setiap Muslim wajib beriman bahawa Allah SWT yang wajib disembah dan mengesakan Allah SWT dalam segala jenis ibadat. Pada masa yang sama, dalam hal ini, Mufti Kerajaan Negeri Sabah berpendapat bahawa *sogit kepanasan kampung* ke atas orang Islam adalah tidak dibenarkan. Hal ini demikian kerana terdapat elemen syirik dan khurafat dalam amalan tersebut (Mufti Sabah, temu bual, 16 April 2021). Meskipun denda tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang adat di Mahkamah Anak Negeri, ia tidaklah boleh dianggap sebagai *urf* yang dibenarkan dalam perspektif *urf* menurut Islam (Pg. Ismail, 2018).

Kedua, terdapat amalan ritual penyembelihan binatang *sogit* untuk menyejukkan semangat yang telah murka ke atas pelaku tersebut. Jika ditelusuri, amalan mempersembahkan sesuatu kepada makhluk *supernatural* ini sebenarnya merupakan amalan universal yang berlaku kepada masyarakat Pagan di seluruh dunia. Hal ini dibuktikan, misalnya suku Aztec di Meksik (Mesoamerica suatu tempat bersejarah dalam negara Mexico), yang mempersembahkan darah serta jantung manusia kepada dewa matahari semata-mata untuk mengelakkan daripada pelbagai malapetaka menimpa kehidupan mereka (Muhjam Kamza, 2021). Suku Viking di Eropah pula mempersembahkan kepala tokoh-tokoh, pendakwah-pendakwah agama mereka kepada Dewa Perang (*Odion*) semata-mata untuk merahmati kehidupan mereka (Muhammad Sholikhin, 2010). Di Iraq, di daerah Kan'an, bayi yang masih kecil pula dipersembahkan kepada

Dewa Ba'al (Henk Ten Napel, 1996), manakala di Mesir sewaktu Amr bin Ash menjadi Gabenor, masyarakat Arab jahiliyah telah mengorbankan gadis perawan kepada dewa yang menghidupkan Sungai Nil untuk terus mengalir (Syamsul Azizul, 2017). Berdasarkan kepada catatan sejarah ini, pengkaji menyimpulkan bahawa amalan mempersembahkan korban kepada semangat-semangat (dewa-dewa) semata-mata untuk melindungi diri daripada kemarahan mereka adalah suatu amalan yang telah diamalkan oleh kebanyakan masyarakat animisme pada suatu ketika dahulu dan masih menjadi suatu penyakit aqidah sehinggalah hari ini.

### **3. Sogit yang memerlukan Perincian**

#### **a. *Sogit Sumbang, Sogit Lapau dan Sogit Kosoguluanan (Sogit Langkah Bendul)***

Secara asasnya, *sogit* sumbang adalah denda yang dikenakan ke atas individu yang telah melakukan kesalahan zina. Sekiranya undang-undang adat ini bertujuan untuk menghukum si pelaku agar tidak mengulangi kesalahan tersebut, maka ia termasuk dalam *sogit* yang dibenarkan. Hal ini selaras dengan *sogit-sogit* lain yang dibenarkan dalam Islam selagi mana dalam ruang lingkup *masalih al-mursalah*. Sebagaimana Enakmen Syariah boleh memberikan denda kepada si pelaku melibatkan hukum syarak, maka dalam melibatkan hubungan sosial, hukum syarak turut membenarkan undang-undang adat untuk memberikan denda bagi menjamin dan mengharmonikan kehidupan bermasyarakat (Muhammad Ariff Ahmad, 1993). Sebaliknya, jika amalan *sogit* sumbang melibatkan kepercayaan khurafat seperti mendamaikan semangat tanah (*sogit* kepanasan kampung), ia adalah diharamkan. Hamka (1965) menjelaskan, amalan syirik tidak boleh diharmonisasikan dengan Islam, umpamanya penyembelihan binatang untuk dipersembahkan kepada berhala dengan membaca *bismillah* dan seumpamanya.

Sehubungan dengan itu, *Sogit Lapau* pula merujuk kepada denda yang dikenakan ke atas suami yang berpoligami. Berdasarkan hakikat tersebut, pengkaji berpendapat, sekiranya terdapat keperluan dan kemaslahatan untuk menghalang suami yang ingin berpoligami adalah dibenarkan. Dalam agama Islam, hukum asal poligami adalah harus. Sungguhpun begitu, dalam situasi

yang berbeza hukum ini boleh berubah kepada sunat, makruh dan haram (al-Zuhaily, 2007). Oleh hal yang demikian, sekiranya hukuman *sogit lapau* ini dikenakan ke atas si pelaku kerana yakin bahawa suami tersebut tidak mampu untuk berlaku adil, atau si suami berpoligami tanpa kebenaran isteri pertama, atau suami berpoligami atas alasan yang tidak munasabah, maka *sogit* ini untuk diamalkan atas dasar *masalahah* yang diyakini bahawa hukuman ini untuk memelihara hubungan dalam sesuatu komuniti. Hal ini sejajar dengan pengamalan yang berlaku di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Secara umumnya, semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah atau pun Hakim Syariah. Dalam Seksyen 23(1), Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984, memperuntukkan dengan jelas tentang perkara ini. Campur tangan Mahkamah Syariah dalam memberi kebenaran berpoligami dibuat kerana mengambil kira kepentingan agar amalan poligami tidak disalahgunakan. Oleh itu, berdasarkan kaedah *qiyas*, jika Mahkamah Syariah boleh memberikan denda atau hukuman ke atas perkahwinan poligami tanpa kebenaran, maka mahkamah adat juga sewajarnya dibolehkan meletakkan denda atau *sogit lapau* berdasarkan pertimbangan adat yang dirasakan perlu untuk menjaga hubungan kekeluargaan. Walau bagaimanapun, sekiranya hukuman *sogit lapau* ini dilaksanakan atas dasar adat semata-mata kerana suami berpoligami (suami ada sebab yang munasabah), ia adalah diharamkan kerana perintah poligami ini merupakan syariat Allah telah ditetapkan oleh Allah kepada hamba-nya. Jika denda ini dilakukan walaupun suami mempunyai sebab yang munasabah di sisi syarak, maka ia seolah-olah mengharamkan sesuatu hukum yang Allah SWT telah syariatkan.

Selain itu, bagi *sogit kosoguluanan* (langkah bendul), jika ia dilakukan atas dasar *masalahah* menjaga aspek moral perasaan orang lain, menghormati orang tua, menjaga perasaan dan hati ahli keluarga yang belum berkahwin dan seumpamanya, maka ia boleh diamalkan kerana tidak bercanggah dengan syarak, malah banyak sandaran daripada al-Quran dan al-Sunah berhubung dengan hal memberi hadiah kepada keluarga, penghormatan dan menjaga silaturahim. Walau bagaimanapun, sekiranya amalan *sogit* ini mempunyai kepercayaan-kepercayaan tertentu seperti sekiranya tidak

ditunaikan, boleh membawa sial (Encik Ruhatin, temu bual, 2021), atau boleh membebankan si adik, maka ia adalah diharamkan. Dalam adat Melayu umpamanya, adat melangkah bendul tidak bercanggah dengan syarak kecuali terdapat elemen-elemen yang tidak menepati syarak seperti membasuh kaki di khalayak ramai, mempamerkan gadis di khalayak ramai dan seumpamanya (Jawiah Dakir, temu bual, 2010).

## KESIMPULAN

Setiap kaum mempunyai adat dan budaya yang tersendiri. Walaupun terdapat perubahan, penyesuaian dalam tuntutan semasa akibat pengaruh agama, modenisasi dan seumpamanya dalam penyelenggaraan adat, namun ia tetap menjadi mekanisme penyatuan dan perpaduan sesuatu masyarakat. Hal yang sama berlaku dalam amalan *sogit* yang diamalkan oleh masyarakat Dusun di daerah Ranau. Sehingga hari ini, *sogit* merupakan satu undang-undang rasmi di Mahkamah Anak Negeri bagi mengendalikan kes-kes adat dalam kalangan anak negeri. Dalam masa yang sama, ia turut diamalkan secara tradisi di peringkat kampung. Oleh sebab itu, sehingga hari ini, *sogit* masih memberi dampak terhadap sosiobudaya masyarakat Dusun di daerah Ranau. Walau bagaimanapun, menurut perspektif Islam, *sogit* ini terbahagi kepada tiga iaitu *sogit* yang dibenarkan, *sogit* yang diharamkan dan *sogit* yang perlu diperincikan sama ada termasuk dalam hukum harus atau haram (*urf fasilid*).

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SSI03/UMS/02/1) yang telah membiayai penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- A. J. N. Richard. (1994). *Adat Bidayuh*. Kuching: Kuching Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Abdul Hair Beddu Asis, Syamsul Azizul Marinsah, Abang Mohd Razif Abg Muis & Mohd Taqwuddin Mohd Yazid. (2020). Konsep amalan sogit dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah ke arah pembentukan model pengurusan alam sekitar lestari. *Budaya Etnik Serumpun*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

- Al-Ghazali. (2013). *Ihya Ulumiddin*. Republika: Jakarta.
- Al-Maraghi. (1910). *Tafsir al-Maraghi*. Dar al-Fikr.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad. (1999). *al-Qawaid wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah al-Hakimah fi Mua'malat al-Maliyah*.
- Al-Zarqa, Ahmad Ibn Muhammad. (1989). *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qolam.
- Al-Zuhaily. (2007). *Al-Mu'tamad Di al-Fiqh al-Syafi'e*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Andjar. (2020). *Dinamika indikator ekonomi daerah dengan perspektif kebijakan sosial*. Indocamp.
- Arena Wati. (1978). *Dusun satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan proses pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Erik Jensen. (1974). *The Iban and their religion*. A Oxford: Clarendon Press.
- I. H. N. Evans. (1953). *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Cambridge University Press.
- Jawiah Dakir & Awang Wan Ali. (2010). *Sunnah dan bidaah dalam amalan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Low Kok On. (2003). *Membaca mitos dan legenda Kadazandusun*. Tesis Ijazah kedoktoran (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Merlenny Deenerwan. (2014). *Bobolian: Seni teater etnik Dusun*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Minah Sintian. (2018). *Kearifan lokal masyarakat Kadazandusun dalam pertanian membantu pelestarian alam*. Kertas *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mosli Tarsat. (2007). *Institusi pentadbiran peribumi: Satu kajian mengenai Ketua Anak Negeri di Sabah 1946-1990*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Muhammad Ariff Ahmad. (1993). *Bicara tentang adat dan tradisi*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Muhammad Sholikhin. (2010). *Ritual dan tradisi Islam Jawa*. Penerbit Narasi.
- Muhjam Kamza & Teuku Kusnafizal. (2021). *Sejarah kuno bangsa Amerika*. Syiah Kuala Universiti Press.
- Owen Rutter. (1922). *British North Borneo: An account of history, resources, native tribute and native tribes*. London: Constable and Company Ltd.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidan Ismail & Narizan Abdul Rahman. (2018). *Amalan sogit ke atas Anak Negeri Sabah beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari perspektif hukum*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19, 1-17.
- Ridwan Hasan. (2012). *Kepercayaan animisme dan dinamisme dalam masyarakat Islam Aceh*. *MIQAT*, xxxvi (2), 282-298.

- Sakaria. (1991). *Mahkamah Anak Negeri: Satu Kajian Mengenai Kesalahan Adat Dusun di Sabah*. Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa: Selangor.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1(20) November, 1-10.
- Shukeri Muhammad. (2009). Siyasa syari'iyah dalam membentuk gagasan fiqh masyarakat majmuk. Dibentangkan dalam *Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam dalam Negara Islam*, 23-24 Disember, Shah Alam Selangor.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59–80. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4088>
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohamad Firdaus Hasmin, Abdul Hair Beddu Asis, Abang Mohd Razif Abg Muis & Mohd Anuar Ramli. (2020). *Amalan sogit dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah: Satu analisis awal. Budaya Etnik Serumpun*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Syamsul Azizul Marinsah. (2017). *Unsur sinkretisme dalam urf dan adat masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari perspektif hukum Islam*. Tesis Ijazah kedoktoran (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zahad Mahad Musa. (2010). Fiqh al-Biah: Prinsip manusia berinteraksi dengan alam persekitaran. *Jurnal Syariah*, 18 (1), 1-24.

## DOKUMEN KERAJAAN

- Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1995).  
Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992).

## TEMU BUAL

- En. Annuar. (2022). Wakil Ketua Anak Negeri. Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau.
- En. Dualis. (2021). Ketua Anak Negeri. Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau.
- En. Manan. (2021). Penduduk Kampung Bahab, Ranau.
- En. Marcus. (2021). Ketua Anak Negeri. Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau.
- En. Parasin. (2021). Ketua Kampung Purakogis, Ranau.
- En. Ruhatin. (2021). Ketua Kampung Mesilau, Ranau.
- En. Satinin. (2020). Penduduk Kampung Mesilou, Ranau.
- En. Siansim. (2021). Ketua Kampung Matupang, Ranau.
- Pn. Jakina. (2021). Penduduk Kampung Matupang, Ranau.
- S. S. Aziz Jaafar Bungsu Aziz. (2021). Mufti Sabah. Pejabat Mufti Negeri Sabah. 16 April 2021.

**SYAMSULAZIZUL MARINSAH** (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang kepakaran beliau ialah Sosiologi Hukum Islam, Fiqh Budaya dan Fiqh Kontemporari.

**ABDUL HAIR BEDDU ASIS** (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang kepakaran beliau ialah Geografi Alam Sekitar, Pengurusan Tapak Pelupusan/Pengurusan Sisa Pepejal dan Budaya Alam Sekitar.

**MOHAMMAD FIRDAUS BIN HASMIN** ialah pelajar Ijazah Sarjana di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).